

12 MAR 1997

Lumba-Jurutera

HASNAN MAHU MENCIPTA SEJARAH FORMULA 1

Oleh: Mohamad Kamel Othman

MELBOURNE, 12 Mac (Bernama) -- Seorang jurutera automobil Malaysia berharap dapat mencipta sejarah apabila Malaysia menjadi tuan rumah perlumbaan Grand Prix Formula One (F1) di Sepang pada 1999.

Hasnan Kahar, 35, yang berasal dari Pedas, Negeri Sembilan merupakan jurutera perlumbaan dengan pasukan Petronas Sauber, yang mempunyai dua pelumba dalam Grand Prix F1 Australia yang berakhir baru-baru ini.

Petronas Sauber menurunkan dua pelumba dalam Grand Prix Australia itu yang diadakan di Albert Park di Melbourne - dengan menggunakan pemandu Britain Johnny Herbert dan pemandu Itali, Nicola Larini.

Sementara Herbert terkeluar selepas pusingan pertama kerana keretanya tergeser dengan sebuah lagi kereta, Larini pula menamatkan perlumbaan di tempat keenam.

Hasnan menyertai Pasukan Petronas Sauber dua bulan lepas dan membawa bersamanya pengalaman 12 tahun sebagai pengajar di Kompleks Petronas di Daya Bumi, Kuala Lumpur dan telah menghadiri 30 kursus mengenai pengurusan enjin.

Tujuh tahun lepas Hasnan berganding bahu dengan Jaafar Osman untuk menyertai rali Malaysia. Pada 1992 beliau menjadi seorang daripada krew Westac Racing Australia dan bertanding dalam Rali Australia yang menduduki tempat kelapan pada keseluruhannya.

Bagi Petronas Sauber, Hasnan merupakan salah seorang daripada lima jurutera dalam pasukan itu dan mengendalikan hal-hal mengenai kotak gear dan jarak pergerakan kereta. Hasnan begitu puas hati dengan kerjayanya bersama pasukan itu.

Bagaimanapun, Hasnan sedar yang beliau mempunyai banyak lagi untuk belajar sebelum mahir sepenuhnya dalam selok belok perlumbaan F1.

"Saya mahu belajar sebanyak mana yang mungkin. Saya mahu menguasai semua bidang dalam perlumbaan F1, khasnya memandangkan Malaysia masih tidak mempunyai kemahiran dalam enjin kelajuan tinggi.

"Apa yang menggembirakan orang seperti saya ialah tiada diskriminasi dalam pasukan. Semua orang diberi layanan yang sama walaupun saya seorang sahaja rakyat Malaysia.

"1999 tidak jauh sangat. Adalah tidak salah bagi rakyat Malaysia untuk memulakan persiapan dari sekarang lagi. Kita mesti bersiap sedia dari sekarang untuk menghadapi F1 pada 1999.

"Malaysia masih baru kepada F1 dan kita memerlukan lebih banyak jurutera dalam perlumbaan seperti ini," kata Hasnan.

Hasnan berazam untuk mencipta sejarah apabila Formula 1 diadakan buat pertama kali di Malaysia - satu lagi hasil buah fikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

MKO PR